



Import Maklumat Murid ke dalam VLE

Dimaklumkan sistem 1BestariNet telah dipertingkatkan dengan penambahan fungsi bagi pengemaskinian maklumat murid yang membolehkan setiap sekolah mengimport data murid terkini ke dalam VLE daripada pangkalan data APDM. Pentadbir VLE di sekolah kini dapat mengimport maklumat murid ke dalam VLE secara pukal melalui fungsi import yang terdapat di dalam aplikasi 'Users'.

Dengan penambahan fungsi ini, proses import maklumat murid ke dalam VLE dapat dilakukan sendiri oleh Pentadbir VLE di setiap sekolah dengan menggunakan data murid yang diinput di peringkat sekolah masing-masing. Proses ini membolehkan:

- Pengemaskinian dilakukan untuk semua kelas dan murid di sekolah terbabit.
- Pertambahan maklumat semua murid baru
- Pengemaskinian tingkatan/ kelas murid, dan
- Pembetulan sebarang kesilapan data atau maklumat yang tidak lengkap untuk murid tersebut.

Tatacara pelaksanaan proses import maklumat murid diperincikan di mukasurat seterusnya. Pihak sekolah dinasihatkan untuk meneliti dan memahami panduan yang telah disediakan ini terlebih dahulu, sebelum melaksanakan proses import di sekolah masing-masing.

Jika pihak sekolah mempunyai sebarang pertanyaan ataupun menghadapi sebarang masalah berkaitan dengan proses import maklumat murid ini, sila hubungi meja bantuan 1BestariNet di nombor talian atau emel yang tertera di bawah.

Terima Kasih.

Sentiasa Berkhidmat,
moesupport@ytlcomms.my

No. Telefon:

✓ **018-7998787**

Waktu Operasi:


✓ **Isnin – Jumaat (termasuk Cuti Awam)**
✓ **7am-10pm**

Panduan Pengguna – Proses Import Maklumat Murid Ke Dalam VLE

A. Aliran Proses Import Maklumat Murid

Nota Penting:

- Pentadbir VLE Sekolah perlu terlebih dahulu selesai memasukkan maklumat murid ke dalam sistem APDM; eksport maklumat murid tersebut daripada APDM sebelum memulakan proses mengimport ke dalam aplikasi 'Users' untuk mengelakkan kemasukkan data lewah/bertindih.
- Pentadbir VLE Sekolah hanya boleh mengimport maklumat murid untuk murid-murid dari sekolah sendiri sahaja.
- Pentadbir VLE Sekolah perlu melaksanakan proses mengimport berpandukan 'Aliran Proses Mengimport Maklumat Murid ke VLE' dengan sendiri (Sila rujuk Rajah 1); sila hubungi Meja Bantuan 1BestariNet sekiranya memerlukan bantuan.



RAJAH 1: ALIRAN PROSES MENGIMPORT MAKLUMAT MURID KE VLE

Panduan Pengguna – *Proses Import Maklumat Murid Ke Dalam VLE*

B. Mengimport maklumat murid ke dalam VLE:

1. Sila log masuk ke dalam sistem VLE.



BestariNet
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Yes ID

Password


[Login](#) [Forgot your password?](#)

 frogasia powered by  yes

GAMBARAJAH 1: HALAMAN LOG MASUK VLE

Panduan Pengguna – *Proses Import Maklumat Murid Ke Dalam VLE*


2. Di halaman utama VLE:
 - a) Sila tekan ikon 'FrogDrive'
 - b) Seterusnya di paparan FrogDrive, sila tekan ikon 'Application'
 - c) Kemudiannya, sila tekan ikon 'Users' untuk navigasi ke aplikasi 'Users'.



GAMBARAJAH 2: HALAMAN UTAMA VLE

Panduan Pengguna – *Proses Import Maklumat Murid Ke Dalam VLE*

3. Di halaman utama aplikasi 'Users', sila tekan butang 'Import' untuk navigasi ke halaman import.



GAMBARAJAH 3: HALAMAN UTAMA APLIKASI USERS

4. Selepas itu, sila eksport maklumat murid daripada sistem APDM dan kemudian import fail yg telah dieksport tadi ke dalam aplikasi 'Users'. Ini untuk mengelakkan kemasukkan data lewah/bertindih di kedua-dua sistem.
5. Sila pastikan kesemua medan yang terdapat di dalam fail (dieksport daripada sistem APDM) telah diisi dengan format yang betul. Contoh maklumat untuk setiap medan dipaparkan di dalam jadual di bawah (sila rujuk **Jadual 1** di halaman sebelah).

Panduan Pengguna – Proses Import Maklumat Murid Ke Dalam VLE


- **Jadual 1** adalah senarai medan yang terdapat di dalam fail yang telah dieksport daripada APDM (untuk diimport ke dalam aplikasi 'Users').
- **Nota:** Tingkatan dan nama kelas akan dibaca automatik daripada nama lampiran Excel.

Medan	Contoh Maklumat	Wajib?
MyKad/ MyKid/ No. Pasport	050418101111	Ya
Sijil Kelahiran Murid	BM1044	Tidak wajib
Nama Murid	NUR JAZMINA BINTI TUAH	Ya
Alamat	(Tidak wajib)	Tidak wajib
Tarikh Kelahiran	18/10/2005	Ya
NRIC Bapa	790423425573	Tidak wajib Perlu diisi apabila nama bapa diisi
Nama Bapa	TAHIR BIN HUSAIN	Tidak wajib Perlu diisi apabila NRIC bapa diisi
NRIC Ibu	821435675376	Tidak wajib Perlu diisi apabila nama ibu diisi
Nama Ibu	JUNEIZAH BINTI MAHMOOD	Tidak wajib Perlu diisi apabila NRIC ibu diisi

JADUAL 1: MEDAN IMPORT PENGGUNA BARU

Panduan Pengguna – Proses Import Maklumat Murid Ke Dalam VLE


- Untuk mengimport fail ke dalam aplikasi 'Users', sila tekan butang 'Choose File' dan pilih fail yang telah dieksport daripada sistem APDM.
 - Gambarajah 4** adalah halaman import maklumat murid di aplikasi 'Users'.



GAMBARAJAH 4: HALAMAN IMPORT – APLIKASI 'USERS'

Panduan Pengguna – Proses Import Maklumat Murid Ke Dalam VLE


7. Kemudian, sila tekan butang 'Confirm' untuk mengesahkan data yang akan diimport ke dalam aplikasi 'Users'.
 - Sistem akan menyemak sama ada fail boleh diimport dan kesemua medan yang wajib telah diisi.
 - Jika terdapat sebarang masalah terhadap rekod yang hendak diimport, rekod itu akan dikecualikan daripada diimport ke dalam sistem dan mesej ralat untuk rekod tersebut akan dipaparkan.
 - Diskripsi mesej ralat akan dipaparkan di dalam jadual seperti yang terdapat di **Gambarajah 5**.
 - Rekod yang boleh diimport akan diproses oleh sistem.



GAMBARAJAH 5: HALAMAN IMPORT – APLIKASI 'USERS' – MESEJ RALAT

Panduan Pengguna – *Proses Import Maklumat Murid Ke Dalam VLE*

- Jika fail berjaya diimport tanpa sebarang ralat, mesej berjaya akan dipaparkan seperti **Gambarajah 6** di bawah.



GAMBARAJAH 6: HALAMAN IMPORT – APLIKASI ‘USERS’ – MESEJ BERJAYA

Nota: Setelah fail tersebut berjaya diimport melalui aplikasi ‘Users’:

- Pentadbir VLE Sekolah akan menerima e-mel pemberitahuan bahawa import tadi telahpun berjaya
- E-mel pemberitahuan akan mengandungi fail Excel:
 - mengandungi nama pengguna dan kata laluan untuk kesemua pengguna yang telah dicipta melalui aktiviti import tadi.
 - fail tersebut hanya boleh diakses apabila kata laluan yang betul dimasukkan untuk tujuan keselamatan data. Kata laluan tersebut adalah NRIC pengetua/ guru besar untuk sekolah berkenaan.